

07/11/2003

Pelantikan semula tidak perlu

YANG Dipertua Dewan Rakyat, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail, berkata pelantikan semula ahli jemaah menteri tidak perlu dilakukan berikutan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri baru.

Ini kerana, katanya, ahli jemaah menteri yang dilantik sebelum ini sah dari segi Perlembagaan.

Mohamed Zahir berkata, jika seorang Perdana Menteri itu bersara, pelantikan semula jawatan ahli jemaah menteri tidak berbangkit.

Beliau berkata, kaedah itu sudah dilaksanakan ketika pelantikan Perdana Menteri keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad selepas Perdana Menteri ketiga iaitu Tun Hussein Onn bersara pada 16 Julai 1981 dan peralihan kuasa daripada Tun Abdul Razak kepada Tun Hussein.

Beliau berkata, Parlimen yang ada sekarang adalah Parlimen yang ke-10 dan ahli jemaah menteri, termasuk Perdana Menteri dilantik pada 14 Disember 1999, iaitu selepas pilihan raya umum 29 November 1999.

"Artikel 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan menyebut, Perdana Menteri adalah seorang jemaah menteri dan jika mana-mana ahli jemaah berhenti atau diberhentikan, seorang ahli lain akan dilantik dan ahli baru itu perlu mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Yang di-Pertuan Agong," katanya ketika mengeluarkan ketetapan berhubung masalah yang dikemukakan Ahli Parlimen Pokok Sena, Mahfuz Omar, sebelum sesi soal semalam.